

## IMPLIKASI PERKHEMAHAN PENDIDIKAN LUAR TERHADAP KESEPADUAN KUMPULAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

**Johnichol Anak Nyalong**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
(E-mail: [jenikol\\_6667@yahoo.com](mailto:jenikol_6667@yahoo.com))

**Norlena Binti Salamuddin**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Received date:** XX-XX-XXXX

**Revised date:** XX-XX-XXXX

**Accepted date:** XX-XX-XXXX

**Published date:** XX-XX-XXXX

**To cite this document:** Johnichol & Norlena (2019). Implikasi perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Supply Chain, Operation Management and Logistic*, x(xx), xx-xx.

---

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk menguji tahap kesepaduan kumpulan dalam kalangan pelajar tingkatan 4 setelah menyertai perkhemahan pendidikan luar. Kajian ini juga untuk melihat sama ada faktor demografi (pengalaman perkhemahan dan lokasi tempat tinggal) memberi pengaruh kepada kesepaduan kumpulan selepas dan sebelum perkhemahan pendidikan luar. Reka bentuk kajian kuantitatif ini melibatkan 76 responden ( $L=38$ ,  $P=38$ ) yang mengikuti Perkhemahan Pendidikan Luar Peringkat Kebangsaan Zon Malaysia Timur (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian adalah Group Environmental Questionnaire (GEQ). Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Hasil keseluruhan dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Science Social) versi 23.0. Secara keseluruhan tahap kesepaduan kumpulan meningkat pada akhir perkhemahan pendidikan luar berbanding sebelum perkhemahan. Dapatan juga menunjukkan bahawa faktor demografi pelajar lelaki lebih menyumbang kesepaduan dalam kumpulan berbanding pelajar perempuan. Diharapkan pada masa akan datang, lebih ramai pengkaji berminat menjalankan kajian berkaitan dengan pendidikan luar. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi rujukan dan mekanisma kepada pihak sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), ibu bapa dan pelajar untuk memastikan aspek pendidikan luar sentiasa diseimbangkan bagi mencapai penilaian kokurikulum murid yang terbaik.

---

**Kata kunci:** pendidikan luar, perkhemahan, kesepaduan kumpulan

---

### Pengenalan

Pendidikan Luar merupakan salah satu daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang amat menarik dan berkesan dilaksanakan secara elektif dan bijaksana. Pendidikan luar boleh didefinisikan sebagai sebarang aktiviti pendidikan yang umumnya dilaksanakan di alam semula jadi bagi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran menurut Md. Amin (2011). Pendidikan luar secara umumnya, dapat dibahagikan kepada tiga iaitu pembinaan kemahiran aktiviti lasak, pembinaan kualiti modal insan dan kemasyarakatan, serta penerapan semangat cintakan alam sekitar. Gabungan daripada tiga elemen ini diharapkan dapat

mencapai matlamat pendidikan negara yang utama iaitu ingin melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial serta mampu berbakti kepada masyarakat dan negara Kementerian Pendidikan Malaysia (1996).

Antara manfaat yang pelajar akan perolehi semasa mengikuti perkhemahan pendidikan luar adalah kemahiran memimpin, berdikari, berkerjasama, bertoleransi serta banyak amalan terbaik yang lain. Remaja merupakan pemimpin kita pada masa akan datang, remaja juga tiang negara, maka, tumpuan yang sewajarnya harus diberikan pada golongan ini. Antara lain cara untuk membimbing akhlak dan sahsiah golongan remaja selain daripada aktiviti keagamaan dan kerohanian adalah menerusi pendidikan secara tidak langsung melalui Pendidikan Luar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang tahap kesepaduan kumpulan serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kesepaduan kumpulan hasil daripada penyertaan mereka dalam aktiviti Pendidikan Luar.

### **Pernyataan Masalah**

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memandang serius terhadap hal yang berkaitan dengan Pendidikan Luar. Pelbagai program yang telah dirangka oleh kementerian bagi memastikan pelajar-pelajar di sekolah mendapat ilmu Pendidikan Luar yang sesuai dengan aras kesukaran mengikut umur. Jika kita membuat penelitian dalam takwim kurikulum sekolah, terkandung elemen Pendidikan Luar yang wajib diterapkan oleh setiap Badan Beruniform di sekolah. Antara ilmu pendidikan luar yang ditekankan dalam pendidikan luar di sekolah adalah seperti kemahiran pandu arah, masakan rimba, perkhemahan, ikatan tali-temali dan sebagainya.

Hammerman, Hammerman, dan Hammerman (2001) mencadangkan pendidikan luar sebagai "suatu bidang kurikulum kontemporari yang kadangkala sukar untuk didefinisikan". Ia boleh ditafsirkan sebagai suatu strategi, kaedah, mahupun konsep pendidikan dan merangkumi pelbagai bentuk aktiviti samada pameran bilik darjah, lawatan ke muzium mahupun mendaki gunung. Dalam bidang kurikulum di Malaysia pula, Pendidikan Luar diajar secara tidak langsung dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Silibus Pendidikan Jasmani dan Kesihatan ada mencakupi elemen aktiviti Pendidikan Luar seperti 'orienteeing', kemahiran membaca peta, mempelajari kaedah membaca arah mata angin serta ilmu-ilmu keselamatan dalam hutan. Topik ini sudah pasti menarik tumpuan pelajar-pelajar, khasnya pelajar yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman kerana ilmu ini akan praktikal sekiranya diamalkan dalam kehidupan harian di kampung kelak.

Penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) juga merupakan kesinambungan daripada aktiviti Pendidikan Luar. PLKN merupakan program yang disasarkan kepada golongan remaja yang berumur 17 tahun iaitu pelajar lepasan tingkatan lima. Hampir kesemua modul yang terkandung dalam PLKN adalah berkisar kepada aktiviti Pendidikan Luar. Bagi peserta yang sudah biasa terlibat dengan Pendidikan Luar sudah pasti program yang dirangka dengan terancang ini menimbulkan rasa seronok. Peserta akan dilatih oleh tenaga profesional sepanjang program ini berlangsung selama tiga bulan. Antara pengisian yang sangat digemari oleh peserta program adalah seperti latihan menembak, kawad kaki serta 'flying fox'.

Pendidikan luar juga merupakan salah satu medium yang membekalkan pembelajaran melalui pengalaman. Perkara ini turut diakui oleh Meier dan Mitchell (1993), yang menyatakan bahawa pendidikan luar termasuklah semua jenis pengalaman yang meningkatkan pengetahuan, tingkah laku atau kemahiran luaran dan membantu membuatkan kita lebih menghargai. Selain itu, aktiviti dalam pendidikan luar juga menghasilkan pengalaman yang membolehkan interaksi dan mengetahui persekitaran alam semulajadi Brookes (1994). Maka, dengan ini adalah sangat jelas banyak amalan terbaik yang boleh disemai dalam kalangan para pelajar hasil daripada aktiviti Pendidikan Luar.

Walau bagaimanapun, sejauh manakah program serta aktiviti yang diterapkan dalam Pendidikan Luar mampu mempengaruhi kesepaduan dalam kumpulan pelajar dalam negara kita? Antara program Pendidikan Luar yang biasa dianjurkan di peringkat sekolah adalah seperti Kem Kepimpinan Pengawas dan Karnival Kokurikulum. Atas kertas program tersebut dirancang dengan begitu rapi dan teliti, untuk peringkat pelaksanaan kebanyakan program tersebut tidak mencapai standard piawaian serta objektif yang ditetapkan. Antara yang sering berlaku adalah program tersebut atas nama perkhemahan namun tidak ada aktiviti perkhemahan, hanya khemah didirikan namun pelajar tidur di rumah. Hal ini berlaku berikutan semua pihak tidak berani untuk mengambil risiko. Malahan pihak ibu bapa tidak menaruh kepercayaan kepada pihak sekolah untuk menjaga anak-anak di sekolah. Rentetan daripada perkara tersebut, maka banyak ilmu yang seharusnya disemai kepada pelajar tidak dapat disampaikan dengan sempurna berpunca daripada kekangan tersebut. Pelajar mempelajari banyak perkara sekiranya sesebuah program Pendidikan Luar dilaksanakan mengikut perancangan.

Antara manfaat yang pelajar akan perolehi semasa mengikuti Pendidikan Luar adalah kemahiran memimpin, berdikari, berkerjasama, bertoleransi serta banyak amalan terbaik yang lain. Remaja merupakan pemimpin kita pada masa akan datang, remaja juga tiang negara, maka, tumpuan yang sewajarnya harus diberikan pada golongan ini. Antara lain cara untuk membimbing akhlak dan sahsiah golongan remaja selain daripada aktiviti keagamaan dan kerohanian adalah menerusi pendidikan secara tidak langsung melalui Pendidikan Luar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang tahap kesepaduan kumpulan serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kesepaduan kumpulan hasil daripada penyertaan mereka dalam aktiviti Pendidikan Luar.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenal pasti faktor-faktor demografi seperti pengalaman perkhemahan dan lokasi tempat tinggal yang memberi kesan dominan terhadap kesepaduan kumpulan
- b) Meninjau kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan peserta.
- c) Mengenal pasti aktiviti dalam perkhemahan yang memberi impak maksima terhadap kesepaduan kumpulan peserta.

### **Persoalan Kajian**

- a) Bagaimanakah faktor-faktor demografi berikut mempengaruhi kesepaduan dalam kumpulan peserta Perkhemahan Pendidikan Luar Zon Malaysia Timur?
  - i. Jantina
  - ii. Pengalaman perkhemahan
  - iii. Lokasi tempat tinggal
- b) Sejauh manakah Perkhemahan Pendidikan Luar Zon Malaysia Timur memberi kesan terhadap kesepaduan kumpulan para peserta?
- c) Apakah aktiviti dalam perkhemahan yang menyumbang impak maksima terhadap kesepaduan kumpulan.

### **Metodologi Kajian**

#### *Populasi dan Sampel*

Sampel kajian ini merupakan pelajar sekolah menengah Malaysia Timur iaitu Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pemilihan sampel ini adalah melalui Kem Pendidikan Luar Peringkat Kebangsaan Zon Malaysia Timur di mana setiap Negeri Sarawak diwakili oleh 40 orang peserta yang terdiri daripada 20 perempuan dan 20 lelaki. Negeri Sabah pula diwakili oleh 20 orang peserta dimana 10 orang peserta perempuan dan 10 orang

peserta lelaki. Wilayah Persekutuan Labuan pula diwakili oleh sebanyak 16 orang peserta iaitu 8 lelaki dan 8 perempuan. Menurut Dane (1990, dalam Chua, 2006:109), saiz sampel 100 orang untuk kajian tinjauan yang dijalankan ke atas subjek kajian dalam sebuah organisasi adalah mencukupi. Kesemua peserta ini menjalankan kem pendidikan luar selama seminggu bertempat di Gua Niah, Miri, Sarawak. Kem ini dijalankan pada 13 Julai 2018 sehingga 20 Julai 2018.

#### *Tempat Kajian*

Kajian ini telah dijalankan di Hutan Simpan Gua Niah, Miri, Sarawak. Seramai 76 orang peserta yang mewakili 3 Negeri telah berkampung di Hutan Simpan Gua Niah selama seminggu bagi menjalani Kem Pendidikan Luar.

#### *Prosedur Pengumpulan Data*

Pada peringkat awal, pengkaji telah berkunjung ke Pusat Kokurikulum Negeri Sarawak (PKNS) untuk mendapatkan kebenaran daripada Ketua Unit PKNS bagi menjalankan proses pengumpulan data. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji mengumpul sebanyak 76 biodata sampel, pelajar program perkhemahan pendidikan luar Zon Malaysia Timur. Data ini diperolehi daripada aji urus setia program perkhemahan tersebut. Seterusnya, setelah maklumat berkaitan dengan sampel lengkap dan berjaya dikumpul, pengkaji mengadakan perjumpaan ringkas bersama dengan 76 orang sampel yang dipilih untuk memberi penerangan tentang tujuan kajian dijalankan, cara menjawab soal selidik, tarikh, hari dan masa berlangsungnya sesi menjawab soal selidik pada hari pendaftaran perkhemahan tersebut. Sampel juga diberitahu bahawa segala maklum balas yang diberikan di dalam borang soal selidik adalah sulit, rahsia dan hanya untuk tujuan penyelidikan ini sahaja. Penyelidik memberikan sampel tempoh masa selama 45 minit bagi menjawab soal selidik GEQ dan dibenarkan untuk bertanya mengenai item soal selidik yang tidak difahami bagi memudahkan responden menjawab soal selidik. Setelah semua sampel selesai menjawab soal selidik, penyelidik mengumpul semula borang soal selidik dan menyemak sama ada semua item telah dijawab atau tidak. Sekiranya terdapat item yang belum dijawab, penyelidik memulangkan semula borang soal selidik kepada sampel terbabit dan meminta item tersebut dijawab. Segala proses pengumpulan data dijalankan oleh penyelidik sendiri. Setelah pengumpulan data selesai, barulah penyelidik memulakan proses menganalisis data.

#### *Dapatan Kajian*

Data-data yang diperolehi daripada kajian ini telah dianalisis untuk menjawab persoalan-persoalan dalam kajian ini. Data dikumpul dengan mengedarkan borang soal selidik kepada para peserta perkhemahan pendidikan luar Zon Malaysia Timur iaitu merangkumi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Di samping itu, perbezaan ujian pra dan pasca juga dianalisis bagi menilai tahap kesepaduan kumpulan program perkhemahan ini secara keseluruhan. Data demografi juga turut dianalisis oleh pengkaji bagi menilai faktor demografi yang mana satukan menyumbang kepada kesepaduan kumpulan. Selain itu, pengkaji turut menganalisis aktiviti yang manakah dalam perkhemahan yang lebih menyumbang kepada kesepaduan kumpulan.

*Dapatan Kajian Deskriptif*

**Mengenal pasti faktor-faktor demografi yang paling dominan yang menyumbang kepada kesepaduan kumpulan para peserta**

Taburan Mengikut Lokasi Tempat Tinggal

Tempat	Kekerapan	Peratus
Bandar	47	61.8
Luar Bandar	29	38.2
Jumlah	76	100.0

Jadual menunjukkan taburan responden berdasarkan lokasi tempat tinggal. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa 47 orang (61.8%) adalah tinggal di Bandar. Manakala lokasi luar Bandar mencatatkan 29 orang (38.2%). Ini menunjukkan lokasi bandar mencatatkan bilangan yang paling tinggi dan lokasi luar bandar mencatatkan bilangan yang paling rendah. Rajah 4.5 dibawah memperincikan lagi taburan dan kekerapan responden mengikut lokasi tempat tinggal.

Taburan dan kekerapan responden mengikut lokasi tempat tinggal.




Taburan Mengikut Pengalaman dalam Pendidikan Luar

Pengalaman	Kekerapan	Peratus
Kurang daripada 3 kali	30	39.5
Lebih daripada 3 kali	46	60.5
Jumlah	76	100.0

Jadual menunjukkan taburan responden berdasarkan pengalaman dalam Pendidikan luar. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa 30 orang (39.5%) adalah kurang daripada 3 kali pengalaman. Manakala lebih daripada 3 kali pengalaman mencatatkan 46 orang (60.5%). Ini menunjukkan bahawa lebih daripada 3 kali pengalaman mencatatkan bilangan yang paling

tinggi dan kurang daripada 3 kali pengalaman mencatatkan bilangan yang paling rendah. Rajah 6.1.2 dibawah memperincikan lagi taburan dan kekerapan responden mengikut pengalaman perkhemahan.

Rajah Taburan dan kekerapan responden mengikut pengalaman perkhemahan




### Mengenal pasti aktiviti dalam perkhemahan yang menyumbang impak maksima terhadap kesepaduan kumpulan.

Jadual Taburan Mengikut Aktiviti dalam Perkhemahan

Aktiviti	Kekerapan	Peratus
Orienteering	17	22.4
Eksplorasi Gua	30	39.5
Pembelajaran Guano	9	11.8
Karya Kreatif	11	14.5
Permainan Rakyat	9	11.8
Jumlah	76	100.0

Jadual menunjukkan taburan responden berdasarkan aktiviti dalam perkhemahan. Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa 17 orang (22.4%) memilih aktiviti orienteering dan diikuti dengan aktiviti eksplorasi gua adalah 30 orang (39.5%). Bagi aktiviti pembelajaran guano mencatatkan 9 orang (11.8%) dan diikuti dengan karya kreatif adalah 11 orang (14.5%). Manakala bagi permainan rakyat mencatatkan 9 orang (11.8%). Ini menunjukkan eksplorasi gua mencatatkan bilangan yang paling tinggi dan pembelajaran guano dan permainan rakyat mencatatkan bilangan yang paling rendah. Rajah di bawah memperincikan lagi taburan dan kekerapan responden berdasarkan pilihan aktiviti perkhemahan yang dirasakan dapat menyumbang kepada kesepaduan kumpulan.

Rajah Taburan dan kekerapan responden mengikut aktiviti pilihan perkhemahan.



### Dapatan Kajian Inferensi

#### Menentukan perbezaan keputusan pra dan pos kesan perkhemahan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan

Jadual menunjukkan perbezaan skor min pra dan pos kesan perkhemahan. Berdasarkan dapatan kajian, pra kesan perkhemahan menunjukkan min yang rendah (min=3.035, sisihan piawai= 0.246). Manakala pos kesan perkhemahan mencatatkan min yang tinggi (min=3.831, sisihan piawai=0.205). Ujian T menunjukkan terdapat perbezaan antara yang signifikan antara pra dan pos kesan perkhemahan  $t(75) = -24.826, p = 0.000$ . Keputusan menunjukkan tahap signifikan adalah 0.000 iaitu signifikan disebabkan nilainya adalah kecil daripada 0.05. Ini bermaksud, terdapat perbezaan yang signifikan antara pra dan pos kesan perkhemahan terhadap kesepaduan kumpulan para peserta iaitu terdapat perubahan kesan perkhemahan terhadap kesepaduan kumpulan para peserta

Jadual Perbandingan skor min pra dan pos kesan perkhemahan

Kesan	N	Min	Sisihan	Df	Ujian T	Sig
			Piawai			
Pra	76	3.035	0.246	75	-24.826	0.000
Pos	76	3.831	0.205			

### Perbincangan Dan Rumusan

#### Persoalan kajian 1

*Apakah aktiviti dalam perkhemahan yang menyumbang kepada impak maksima terhadap kesepaduan kumpulan?*

Menurut kaedah kuantitatif yang dijalankan terhadap peserta, analisis menunjukkan skor min ujian pra sebelum kem ( $M=3.035$ ) dan menunjukkan peningkatan 0.796 semasa ujian pos dijalankan ( $M=3.831$ ). Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan dan kesan yang signifikan terhadap tingkah laku pelajar kearah kesepaduan kumpulan. Keadaan ini menunjukkan bahawa dapatan yang diperolehi seiring dengan hipotesis di mana terdapat perbezaan yang signifikan antara pra dan pos terhadap kesan perkhemahan kepada kesepaduan kumpulan para peserta kem. Menurut Goodman et al., (1987; petikan dari Thomas, 2004) menjelaskan kesepaduan kumpulan bertindak sebagai tarikan kumpulan

terhadap ahli yang mana semakin ramai ahli kumpulan menyukai di antara satu sama lain maka semakin meningkat kesepaduan. Tambahan pula, kajian berkaitan dengan kesepaduan ahli kumpulan juga turut dijalankan oleh Allain (1996; petikan dari Boyle, 2003; m.s 44) di mana beliau telah mengkaji keberkesanan latihan berasaskan pendidikan luar terhadap kesepaduan kumpulan 19 pemain bola sepak wanita Universiti Kanada. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan yang ketara terhadap kesepaduan yang mana dapat meningkatkan komunikasi, kepercayaan dan keupayaan menolak gangguan yang tidak diperlukan. Kajian ini turut disokong oleh Hammerman, Hammerman dan Hammerman, (2001), menyatakan perkhemahan turut mewujudkan perhubungan yang lebih erat di antara pelajar dan guru. Ini adalah kerana suasana program (pendidikan luar) yang membolehkan wujudnya interaksi di antara keduanya. Selain itu faktor yang turut menyumbang adalah kerana persekitaran yang berstruktur dan menyokong ke arah pembelajaran menerusi aktiviti yang menarik yang memerlukan mereka untuk bekerjasama (Chenery, 1994).

Pendidikan luar bertindak sebagai satu medium pendidikan yang luas melibatkan manusia dan alam semula jadi. Pelaksanaan Pendidikan Luar adalah melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dengan teliti, mempunyai objektif terhadap tujuan tersebut dan hendaklah dilakukan di alam semula jadi (Neill, 2004). Pendidikan Luar telah memberi kesan yang signifikan dalam melahirkan individu yang bertanggungjawab dan berketampilan tinggi dalam menjadikan individu serba boleh (Neill, 2004). Pendidikan Luar juga mengharapkan manusia melakukan aktiviti dengan memberi tindak balas terhadap kebolehan maksimum dalam bentuk fizikal dan psikologi bagi meningkatkan keupayaan dalam mengatur dan merancang aktiviti seharian (Priest, 2004). Aktiviti Pendidikan Luar dapat disimpulkan mempunyai unsur yang boleh membuatkan peserta berfikir, mengawal emosi dan menggunakan tenaga untuk menghadapi cabaran dengan mengharapkan mampu membina jati diri.

National Education Association (1970), menyatakan bahawa pendidikan luar bukanlah satu mata pelajaran sahaja tetapi merupakan perpaduan di antara semua disiplin ilmu, persefahaman dan kemahiran di sekolah. Guru menggunakan persekitaran semula jadi atau buatan manusia, taman rekreasi atau perancangan bandar, tempat yang bersejarah atau tempat yang indah-membantu mengajar seni, matematik, sains, kajian sosial atau komunikasi dengan membantu pelajar supaya memahami hubungan antara mata pelajaran tersebut, alam sekitar, dan manusia. Pendidikan Luar merupakan kaedah pembelajaran secara langsung dan mudah, dan yang merentas kurikulum ke out-of-door demi melakukan proses pembelajaran. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang digunakan dalam pendidikan luar berasaskan kepada kaedah penemuan dalam pembelajaran dan segala pertimbangan dengan menggunakan deria-deria seperti audio, visual, rasa, sentuh dan bau-bagi pemerhatian dan persepsi (Lewis 1975).

Merujuk kepada dapatan kajian, responden menyatakan bahawa aktiviti eksplorasi gua memberi impak maksima terhadap kesepaduan kumpulan dan diikuti dengan aktiviti orienteering. Aktiviti tersebut bermatlamatkan individu yang terlibat dapat mengaplikasikan pendekatan seperti penerokaan, penghayatan serta pembelajaran ketika melakukan aktiviti luar. Ia juga dapat meningkatkan perkembangan personal, social serta pendidikan cabaran dan pendidikan persekitaran yang bakal mempromosikan perkembangan holistic individu menerusi domain kognitif, afektif dan psikomotor.

## Persoalan kajian 2

*Apakah kesan perkhemahan pendidikan luar Zon Malaysia Timur terhadap kesepaduan kumpulan para peserta*

Pelaksanaan pendidikan luar dilihat sebagai satu platform untuk pembangunan dan pengurusan sumber manusia bagi memperolehi pengetahuan, kemahiran dan membentuk



sikap. Fokus utama perkhemahan pendidikan luar melibatkan pembangunan potensi holistik individu, mendedahkan individu kepada pelbagai kemahiran aktiviti pendidikan dan menerapkan semangat cintakan alam. Program yang dilaksanakan bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama berpasukan, hormat-menghormati, penyuburan semangat patriotik, perpaduan kumpulan pembangunan intra dan interpersonal integrity dan kepuasan terhadap kegembiraan serta pembangunan nilai-nilai murni dalam melakukan aktiviti perkhemahan pendidikan luar yang melibatkan aktiviti-aktiviti lasak bagi memberi cabaran, tekanan dan menguji keupayaan diri serta meningkatkan kemahiran seperti orienteering, mounteering dan sebagainya.

Merujuk kepada dapatan kajian, perbezaan yang signifikan dapat dilihat sikap berpasukan di mana rakan sekumpulan merupakan kumpulan social (sahabat) yang paling penting. Ini dapat dilihat menerusi skor min ujian pra perkhemahan ( $M=2.986$ ) dan mengalami peningkatan 1.514 semasa ujian pos perkhemahan ( $M=4.5$ ). Peningkatan ini menunjukkan terdapat satu perubahan yang signifikan terhadap kesan perkhemahan pendidikan luar.

### **Kesimpulan**

Dapatlah dirumuskan bahawa pada masa akan datang masih ada ramai lagi pengkaji yang berminat untuk meneruskan kajian dalam pendidikan luar yang memberi impak kepada kesepaduan kumpulan dalam kalangan pelajar seterusnya meningkatkan motivasi diri dalam kalangan pelajar. Semua pihak haruslah melihat kajian ini dari sudut positif dan sama-sama berganding bahu dan sedar akan tanggungjawab masing-masing bagi meningkatkan kualiti pendidikan Negara khususnya dalam bidang Pendidikan Jasmani, Pendidikan Luar dan Rekreasi di Negara ini supaya ianya setaraf pentingnya dengan bidang yang lain.

Harapan pengkaji semoga kajian yang telah dijalankan ini akan dapat memberi kesedaran yang mendalam kepada semua pihak bahawa betapa pentingnya program Pendidikan Luar terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran di Negara ini.

### **Rujukan**

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tam, Y. K. 2010. *Pengurusan kokurikulum*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kumpulan Budiman.
- Noor Azam Syah, Noor Azzura & Noor Hassline. 2017. *Proses Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum yang diamalkan oleh Kumpulan Pengurusan Kokurikulum (KPP KOKU) di Sekolah Menengah Harian, Lembah Klang*. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil.5, Isu 1, 31-54.
- Md Amin Md Taff, Azlizam Abdul Aziz, Jaffry Zakaria. 2011. *Kerelevanan Pendidikan Luar Dalam Sistem Pendidikan Tinggi Di Malaysia*. ISSN: 1985-5826 AJTLHE Vol. 3 No. 1, 11-2.
- Mazuki bin Mohd Yasim, Md Amin bin Md Taff, Roshdan bin Ahmad & Jaffry bin Zakaria. 2008. *Kesan Perkhemahan Pendidikan Luar Terhadap Kesepaduan Kumpulan. Konvensyen Sukan Antarabangsa Teluk Danga 2009*, Johor Bahru, Johor
- Md Amin Md Taff, .2012. *Teori Model Rekreasi dan Pendidikan Luar*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.
- Shamsulariffin Samsudin. 2016. *Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar dan Hubungannya dengan Pengatahuan, Sikap dan Kemahiran*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Azirin, A.A., 2011 *Outward Bound Lumut sebagai katalis pendidikan luar di Malaysia*. Dalam Md. Amin (ed.), *Pendidikan luar: Definisi , falsafah dan aplilasi*. (in press)

- Thomas, G., "Facilitator, teacher or leader? Managing conflicting roles in outdoor education" dlm. *Journal of Experimental Education* 32:3 hlm, 239-254, 2010
- Md Amin, M.T., 2010 "The effects of residential outdoor education camps on environmental attitudes and knowledge of first year undergraduate student from selected Malaysia university". Kertas kerja dalam American Camp Association Conference, Denver, Colorado
- Bell, B.J., "The role of expectancies in outdoor educational research": dlm *Journal of Experimental Education*, 32:3. Hlm. 309-312.
- Azita, A., 2012 "Penilaian keberkesanan penyampaian atribut kompetensi pemimpin program pendidikan luar di Institutsi Perguruan Malaysi". Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Bunting, C. J., 2013 *Interdisciplinary teaching though outdoor education*. Illinois: Human Kinetics